



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENULISAN KARANGAN MURID BERDASARKAN TEORI METAFORA KONSEPSI

SHARWINTHIRAN A/L THAVARAJAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ANALISIS ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM
PENULISAN KARANGAN MURID BERDASARKAN TEORI METAFORA
KONSEPSI

SHARWINTHIRAN A/L THAVARAJAH



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





Sila tandakan (/)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Khusus

Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9/12/2021

i. Perakuan Pelajar

Saya SHARWINTHIRAN A/L THAVARAJAH, M20181000620, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENULISAN KARANGAN MURID BERDASARKAN TEORI METAFORA KONSEPSI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia

Saya, PM DR. ANIDA BINTI SARUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENULISAN KARANGAN MURID BERDASARKAN TEORI METAFORA KONSEPSI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institusi Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

Proi Madya Dr. Anida Sarudin
Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Bahasa
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Seri Iskandar, 35900 Teluk Anson, Perak

13/12/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK/ DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: ANALISIS ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)
DALAM PENULISAN KARANGAN MURID BERDASARKAN TEORI
METAFORA KONSEPSI

No Matrik / Matric No: M20181000620

Saya: SHARWINTHIRAN A/L THAVARAJAH

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi /Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

Acknowledge that University Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:

- I. Tesis /Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The Thesis Is Property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- II. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
- III. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
The library has the right to make copies of the academic exchange.
- IV. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan tesis /disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The library are not allow to make any profit for 'open access' thesis/dissertation.

Sila tandakan (✓) bagi pilihan dibawah/ Please tick (✓) for category below:

☐	SULIT /CONFIDENTIAL
☐	TERHAD/RESTRICTED
☒	TIDAK TERHAD/ OPEN ACCES

Mengandungi maklumat darjah keselamatan atau akta kepentingan Malaysia seperti termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972/ contains confidential information under the Official Secret Act 1972
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh badan di mana penyelidikan ini dijalankan /contains Restricted information as specified by organization where research was done

(Tandatangan Pelajar /Signature)
Tarikh: 13/12/2021

Prof Madya Dr. Anida Sarudin
Pegawai Baitul Himpunan dan Penyelidikan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi/Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Sekalung penghargaan buat Profesor Madya Dr. Anida binti Sarudin, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan bagi pengkaji. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan pengkaji.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa tercinta yang sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan, di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk pengkaji terus berusaha dan berjuang demi melunaskan amanah ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan disertasi ini dengan sebaiknya. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini.

Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupan pengkaji secara tidak langsung. Semoga penyelidikan dan disertasi ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam hasil penulisan karangan murid Tingkatan 4 mengaplikasi Teori Metafora Konsepsi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Sebanyak 10 data karangan murid Tingkatan 4 telah dipilih dalam kajian ini. Instrumen senarai semak diaplikasikan sebagai metod analisis. Hasil kajian membuktikan bahawa pemetaan idea dalam penulisan karangan murid melibatkan pelbagai jenis Metafora Konsepsi. Dapatan juga menunjukkan bahawa murid-murid telah membina idea penulisan dalam karangan jenis perbincangan dengan mengaitkan latar pengetahuan yang berhubung kait dengan pengalaman dan konteks persekitaran. Menerusi kajian ini, elemen KBAT yang menjadi inti pati penting dalam kandungan kurikulum Bahasa Melayu dapat dihayati dari perspektif interdisiplin, iaitu dalam bidang Pendidikan dan bidang Semantik secara tidak langsung. Kajian berasaskan Teori Metafora Konsepsi dapat membantu guru-guru dalam meneliti hubungan antara elemen KBAT dengan konteks kognitif murid dan menjadi garis panduan bagi mengesan idea kreatif dan kritis dalam penulisan karangan bahasa Melayu.





ANALYSIS OF HIGH ORDER THINKING SKILL ELEMENTS IN STUDENTS ESSAY WRITING BASED ON CONCEPTUAL METAPHOR THEORY

ABSTRACT

This study aims to examine the High Order Thinking Skill (HOTS) elements in the writing of Form 4 students essay applying Conceptual Metaphor Theory. This study is a qualitative study using document analysis method. A total of 10 sample essays of Form 4 students were selected in this study. The complete checklist instrument is applied as a method of analysis. The results proves that mapping ideas in student essays involves various types of Conceptual Metaphors. This finding indicates that students have developed an idea in writing essays by linking their knowledge with the nature and surrounding context. This study also indicates that HOTS element has been an essential element in our Malay curriculum content which can be understood from an interdisciplinary perspective, namely in the field of education and the semantic field. Conceptual Metaphor Theory based study can help the teachers in examining the relationship between HOTS elements with cognitive context and be a guideline for the detection of critical and creative ideas through essay writing in Malay Language.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Permasalahan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Persoalan Kajian	16
1.6	Kepentingan Kajian	17
1.6.1	Mengkonsepsikan Idea-Idea dalam Penulisan Karangan Menerusi Ungkapan Fatis yang Lebih Jelas dan Bermakna	16
1.6.2	Meneliti idea KBAT Menerusi Pengkonsepsian Berpandukan Teori Metafora Konsepsi	17
1.6.3	Menganalisis Idea Dalam Hasil Karangan Murid Menerusi Aspek Pemikiran Semantik Kognitif	18

1.6.4	Pendedahan Yang Jelas Kepada Para Pengkaji Pada Masa Akan Datang Tentang Pengkonsepsian Idea KBAT Menerusi Teori Metafora Konsepsi.	19
1.6.5	Panduan yang jelas tentang elemen-elemen yang terdapat dalam Teori Metafora Konsepsi dari segi jenis, fungsi dan penggunaannya	19
1.7	Definisi Pengoperasional	20
1.7.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	20
1.7.2	Karangan	25
1.7.3	Metafora Konsepsi	26
1.8	Pembangunan Teori Metafora konsepsi dan Prinsipnya	28
1.8.1	Metafora Sistematis	28
1.8.2	Prinsip Ketekalan (The Invariance Principle)	29
1.8.3	Gagasan Menyerlahkan dan Menyembunyikan	29
1.8.4	Pengalaman Asas dalam Metafora	30
1.8.5	Kesejagatan Metafora	30
1.9	Kesimpulan	31

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Pemetaan Penilaian Literatur Sistemik (Systematic Literature Review)	33
2.3	Kajian - Kajian Lepas	36
2.3.1	Metafora dalam Akhbar	36
2.3.2	Metafora dalam Penulisan Akademik	40
2.3.3	Metafora dalam Wacana	47
2.3.4	Metafora dalam pembelajaran bahasa kedua	51
2.3.5	Metafora dalam komunikasi	58
2.3.6	Metafora dalam peribahasa	60



2.3.7	Metafora dalam filem	63
2.3.8	Metafora dalam budaya	67
2.3.9	Metafora dalam bidang linguistik	73
2.4	Teori dan Teori Metafora Konsepsi	77
2.5	Penggolongan jenis Metafora Konsepsi	79
2.5.1	Metafora Struktural	80
2.5.2	Metafora Orientasi	81
2.5.3	Metafora Ontologi	81
2.6	Kesimpulan	83

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	84
3.2	Reka Bentuk Kajian	85
3.3	Kaedah Kajian	86
3.4	Pewajaran Pemilihan Responden Kajian	87
3.5	Data Kajian	88
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	92
3.6.1	Fasa pemilihan jenis karangan	92
3.6.2	Fasa pembinaan tema	94
3.6.3	Fasa pengumpulan data di lapangan	94
3.6.4	Fasa pengumpulan data	95
3.7	Prosedur Penganalisisan Data	96
3.7.1	Fasa Pengekodan Ayat	96
3.7.2	Fasa saringan analisis deskriptif berdasarkan Metaphor Identification Procedure (MIP) oleh Pragglejaz (2007).	97
3.7.3	Fasa saringan pengenalanpastian metafora leksikal	98
3.7.4	Fasa saringan analisis deskriptif domain	98
3.7.5	Fasa saringan analisis deskriptif secara holistik	99





3.8	Kesimpulan	99
-----	------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	101
4.2	Analisis Data Kajian	102
4.2.1	Analisis Data Karangan 1	103
4.2.2	Analisis Data Karangan 2	138
4.2.3	Analisis Data Karangan 3	170
4.2.4	Analisis Data Karangan 4	200
4.2.5	Analisis Data Karangan 5	231
4.2.6	Analisis Data Karangan 6	260
4.2.7	Analisis Data Karangan 7	290
4.2.8	Analisis Data karangan 8	317
4.2.9	Analisis Data Karangan 9	344
4.2.10	Analisis Data Karangan 10	370
4.3	Kesimpulan	408

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	409
5.2	Perbincangan Dapatan	410
5.2.1	Pengkonsepsian Metafora dalam Penulisan	410
5.2.2	Hubungan Pewajaran Metafora Sebagai Elemen Pemikiran Dalam Penulisan	400
5.3	Kesimpulan	415
5.4	Implikasi	417
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	419
5.6	Penutup	421





RUJUKAN

423

LAMPIRAN

433





SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
3.1 Fasa Pengekodan Ayat	96
3.2 Senarai Semak Saringan Analisis Berdasarkan (MIP)	97
3.3 Senarai Semak Saringan Pengenalpastian Metafora Leksikal	98
3.4 Senarai Semak Analisis Deskriptif Domain	99
4.1 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Pertama	103
4.2 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Kedua	109
4.3 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Ketiga	115
4.4 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Keempat	120
4.5 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Kelima	127
4.6 Analisis Data Karangan 1: Perenggan Keenam	133
4.7 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Pertama	138
4.8 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Kedua	144
4.9 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Ketiga	150
4.10 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Keempat	155
4.11 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Kelima	160
4.12 Analisis Data Karangan 2: Perenggan Keenam	165
4.13 Analisis Data Karangan 3: Perenggan Pertama	170
4.14 Analisis Data Karangan 3: Perenggan Kedua	176
4.15 Analisis Data Karangan 3: Perenggan Ketiga	181
4.16 Analisis Data Karangan 3: Perenggan Keempat	185
4.17 Analisis Data karangan 3: Perenggan Kelima	191
4.18 Analisis Data Karangan 3: Perenggan Keenam	195





4.19	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Pertama	200
4.20	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Kedua	206
4.21	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Ketiga	212
4.22	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Keempat	216
4.23	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Kelima	221
4.24	Analisis Data Karangan 4: Perenggan Keenam	226
4.25	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Pertama	231
4.26	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Kedua	236
4.27	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Ketiga	241
4.28	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Keempat	246
4.29	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Kelima	251
4.30	Analisis Data Karangan 5: Perenggan Keenam	256
4.31	Analisis Data Karangan 6: Perenggan Pertama	260
4.32	Analisis Data Karangan 6: Perenggan Kedua	265
4.33	Analisis Data Karangan 6: Perenggan Ketiga	270
4.34	Analisis Data Karangan 6 : Perenggan Keempat	275
4.35	Analisis Data Karangan 6: Perenggan Kelima	280
4.36	Analisis Data Karangan 6: Perenggan Keenam	285
4.37	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Pertama	290
4.38	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Kedua	295
4.39	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Ketiga	300
4.40	Analisis Data karangan 7: Perenggan Keempat	305
4.41	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Kelima	309
4.42	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Keenam	313
4.43	Analisis Data Karangan 7: Perenggan Pertama	317
4.44	Analisis Data Karangan 8: Perenggan Kedua	322
4.45	Analisis Data Karangan 8: Perenggan Ketiga	326





4.46	Analisis Data karangan 8: Perenggan Keempat	331
4.47	Analisis Data Karangan 8: Perenggan Kelima	336
4.48	Analisis Data Karangan 8: Perenggan Keenam	340
4.49	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Pertama	344
4.50	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Kedua	348
4.51	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Ketiga	353
4.52	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Keempat	358
4.53	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Kelima	362
4.54	Analisis Data Karangan 9: Perenggan Keenam	367
4.55	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Pertama	370
4.56	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Kedua	374
4.57	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Ketiga	379
4.58	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Keempat	384
4.59	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Kelima	388
4.60	Analisis Data Karangan 10: Perenggan Keenam	392
4.61	Analisis Keseluruhan Pemetaan Metafora Konsepsi mengikut domain KBAT dalam penulisan karangan murid.	383



SENARAI RAJAH

No.Rajah

Muka Surat

3.1 Kerangka Kajian

91

SENARAI SINGKATAN

EPRD	Education Planning and Research Division
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MIP	Metaphor Identification Procedure
PPPM	Pelan Pembangunan dan Pendidikan Malaysia
SFL	Sistemik Fungsional Linguistik
SLR	Systematic Literature Review
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMK	Teori Metafora Konsepsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Sampel Data Karangan Murid



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Penulisan karangan di sekolah merupakan salah satu medium pengukuran dalam aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Secara umumnya, karangan boleh diukur sebagai aspek pentaksiran KBAT. Kemahiran menulis karangan dapat menukilkan idea yang tersimpan dalam pemikiran di samping dapat membolehkan murid mengorganisasi idea tersebut agar dapat diterjemahkan dalam wacana yang dapat difahami oleh pembaca. Proses penulisan karangan Bahasa Melayu bermula dengan peranan guru dalam mencungkil, menambahbaik serta mengolah idea yang difikirkan oleh murid supaya terjelma dalam bentuk karangan yang boleh dibaca dan dihayati secara lebih implisit mahupun eksplisit. Aktiviti penulisan melibatkan tahap pemikiran aras tinggi yang kompleks dan berbeza serta memerlukan imaginatif perasaan, tahap



minda, cita rasa dan tahap kognitif penulis tersebut (Kozlow & Bellamy, 2004). Terdapat tiga konstruk utama dalam pembinaan dan penilaian item pentaksiran KBAT, iaitu ukuran, ketepatan dan kesesuaian kemahiran berfikir aras tinggi yang diaplikasi perlulah menepati kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Dalam konteks penulisan karangan, elemen-elemen tersebut perlu dinilai bagi memastikan hasil karangan murid sememangnya menepati instrumen pentaksiran KBAT yang telah ditetapkan. Beyer (1988) menyatakan bahawa proses berfikir mempunyai hubungan yang rapat dengan kecenderungan dan kesanggupan seseorang untuk terlibat dalam aktiviti penulisan karangan. Apabila diteliti dari aspek pentaksiran karangan, elemen KBAT sememangnya diterapkan dalam pelbagai genre karangan. Menurut Marzni, Roselan & Fadzilah (2013), terdapat dua bentuk pentaksiran karangan yang digunakan untuk menaksir serta menilai hasil penulisan karangan murid sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara bentuk pentaksiran yang diaplikasikan adalah pentaksiran secara analitik dan pentaksiran secara holistik. Pentaksiran analitik lebih menjurus kepada kaedah guru menilai hasil karangan dari segi kepelbagaian aspek utama seperti kandungan, organisasi, bahasa, kosa kata dan tatabahasa. dalam menentukan markah bagi hasil karangan seseorang murid. Dengan ini, penerapan elemen KBAT dapat ditaksir secara lebih mendalam dari aspek penggunaan pengolahan idea, bahasa, pemikiran serta penggunaan kosa kata yang baharu.

Pentaksiran holistik pula merupakan suatu pendekatan yang menuntut guru melakukan tanggapan ataupun penilaian secara keseluruhan dan bukannya bergantung pada bahagian-bahagian yang dirangka untuk melengkapkan sesebuah hasil penulisan

(Noor Izham Mohd. Taib et al., 2012). Kaedah pentaksiran ini dimulakan dengan guru menyediakan karangan contoh terlebih dahulu sebagai panduan untuk guru menaksir karangan murid. Setelah itu, guru perlu meneliti setiap hasil karangan murid dengan mengemukakan suatu pandangan umum tentang kualiti karangan murid tersebut. Berikutan dengan ini, guru perlu memberikan fokus kepada keseluruhan karangan sebagai satu unit yang bersepadu. Pada akhir proses pentaksiran ini, guru perlu membuat perbandingan hasil karangan murid secara keseluruhan dengan karangan contoh yang disediakan pada awalnya. Hasil daripada pentaksiran ini, satu '*rating*' ataupun penilaian keseluruhan akan diberikan kepada hasil karangan murid tersebut. Pendekatan pentaksiran holistik dilihat amat signifikan digunakan bagi mentaksir karangan respons terbuka kerana murid dikehendaki melakukan proses sintesis atau mereka cipta suatu idea yang baharu bagi menangani kekangan yang wujud sebelum ini dalam aspek pengukuran KBAT yang memerlukan strategi dan kemahiran tertentu untuk menjana idea yang baharu.

Secara amnya, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merujuk kepada keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Hal ini jelas membuktikan bahawa proses KBAT memerlukan kemahiran berfikir secara intelek dengan adanya skop pemikiran yang meluas serta eksplisit dalam mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah.

Rajendran (2014) menyatakan bahawa KBAT merupakan aras yang paling tinggi dalam hierarki proses pemikiran kognitif. Hal ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh (Nessel & Graham, 2007) yang menyatakan bahawa kemahiran berfikir merupakan salah satu kemahiran yang paling asas yang boleh dikembangkan serta merupakan tunjang kepada pencapaian yang lebih tinggi bagi seseorang murid. Dengan ini, jelaslah dapat dilihat bahawa KBAT dapat diaplikasikan dalam sistem pendidikan bagi membolehkan potensi minda murid untuk menangani suatu cabaran yang baharu.

Bloom *et al.* (1956) menegaskan bahawa KBAT memerlukan murid berkeupayaan memanipulasikan maklumat dan idea justeru menterjemahkan maksud dan implikasinya. KBAT juga mampu mencabar murid untuk mengintepretasi dan menganalisis suatu maklumat (Siti Zabidah Mohamed, 2006). Menerusi pendekatan KBAT, murid dapat memahami, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat dengan lebih berkesan. Dalam situasi ini, murid perlu melalui proses pemikiran secara heuristik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menerusi aplikasi KBAT. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, proses KBAT adalah sangat penting dalam mengukur kebolehan seseorang murid dalam memindahkan maklumat dan kualiti pemikirannya bukan sahaja dari aspek kemahiran bertutur dan berbahasa, tetapi juga melalui kualiti penulisan karangan yang mantap. Penerapan elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mengubah struktur pedagogi bahasa Melayu yang pada awalnya dianggap lebih membosankan kerana hanya tertumpu kepada bidang itu sendiri sahaja, sedangkan aplikasi KBAT dapat menggalakkan seseorang murid itu berfikir secara lebih

menyeluruh dalam pelbagai bidang terutamanya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu (Anida Sarudin *et al.*, 2018).

Oleh itu, bagi memastikan murid dapat menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti, KBAT boleh digunakan sebagai satu elemen pentaksiran dalam karangan. Makna juga merupakan salah satu elemen KBAT yang mendatangkan pemikiran. KBAT juga dapat dianalisis menerusi pendekatan semantik, iaitu makna secara implisit dapat dikaji menerusi kepelbagaian hasil penulisan karangan oleh murid. Penggolongan metafora merupakan salah satu elemen yang penting dalam meneliti idea semantik kognitif menerusi sesebuah kajian secara kritis. Lakoff & Johnson (1980) berpendapat metafora sebenarnya wujud dalam kehidupan harian kita, bukan sahaja dalam bahasa, tetapi juga dalam pemikiran dan juga tingkah laku kita. Sistem konseptual kita, iaitu cara kita berfikir dan bertindak sebenarnya berasaskan metafora secara semulajadi. Hal ini sememangnya bersesuaian dengan konteks kajian ini yang lebih meneliti idea metafora dalam penulisan menerusi elemen KBAT yang diterapkan dalam penulisan murid. Menurut Shu (2000:91), kewujudan metafora adalah berdasarkan 3 faktor yang penting, iaitu faktor sosial, faktor kognisi dan faktor bahasa. Kewujudan faktor sosial adalah disebabkan bahasa merupakan alat komunikasi antara manusia. Keadaan ini boleh berlaku apabila pengguna metafora ingin menunjukkan kesenian bahasa dan taraf pendidikannya demi mengukuhkan status sosialnya. Faktor kognisi pula berasal dari teori anggapan limitasi persepsi dan persepsi saintifik. Dalam teori anggapan limitasi persepsi, metafora wujud akibat limitasi keupayaan persepsi manusia yang pada mulanya menyamakan dua objek yang berlainan sebagai satu objek yang sama. Persepsi saintifik berlaku berikutan dengan perkembangan kognisi manusia. Kognitif manusia dapat membandingkan persamaan dua objek yang berlainan untuk menambah

pengetahuan dan pengalaman manusia tentang kedua-dua objek tersebut. Konteks ini menerangkan proses wujudnya metafora yang jelas dalam persepsi atau pemikiran manusia.

Shu (2000:109) membahagikan faktor bahasa kepada dua sebab yang lain. Pertama, dari segi kekurangan item leksikal yang menyebabkan peminjaman item leksikal, dengan itu wujudnya banyak item leksikal yang berunsur metafora untuk menerangkan sesuatu konsep baharu. Kedua, pengguna bahasa ingin mencari item leksikal baharu yang lebih unggul, lebih berkesan atau lebih lembut untuk mengukuhkan penerangan sesuatu konsep. Penggunaan bahasa ini dikenali sebagai penggunaan bahasa kiasan. Pernyataan ini sejajar dengan pendapat Hawkes (1972:2-5), iaitu metafora juga membolehkan kita memahami sesuatu perkara yang telah diketahui sebelum itu supaya menjadi lebih jelas. Kenyataan ini sesuai dengan penelitian metafora leksikal dalam penulisan murid. Sememangnya, semantik dianggap sebagai suatu kajian yang mendasari makna dan pemikiran tetapi ianya belum lagi dianalisis dari aspek KBAT, terutamanya menerusi hasil penulisan murid. Kajian ini dapat dijadikan perintis kepada kajian-kajian lain dalam meneliti idea dan pemikiran murid dalam karangan yang dihasilkan menerusi pemetaan yang sesuai dengan berpanduan analisis menerusi aliran semantik kognitif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Shamsul Hazliyatul Akma (2010), menyatakan bahawa penulisan karangan merupakan suatu aspek yang terpenting sebagai satu bentuk perakam bahasa yang melibatkan

fikiran, pengetahuan, teknik, gaya dan kebolehan menggunakan tatabahasa yang betul. Kemahiran menulis juga dilihat sebagai alat pengukur utama dalam pencapaian seseorang murid malah kemahiran ini perlu dikuasai sepenuhnya daripada kemahiran peringkat mekanis sehinggalah kemahiran menulis peringkat yang tertinggi, iaitu peringkat penjanaan idea yang baharu.

Penulisan karangan juga boleh dijadikan landasan kepada kecekapan menulis yang lebih tinggi. Laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21st Century Schools (US) pada 2 November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih rendah (Jumaliah Mingan & Zamri Mahamod, 2014). Hal ini selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Nooriza Kassim & Effandi Zakaria (2013) yang mendapati bahawa sebahagian guru kurang bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi.

Kemahiran ini bersesuaian dengan aras pemikiran murid dalam menghasilkan suatu bentuk penulisan yang mantap serta berkualiti. Penulisan karangan dapat membolehkan murid untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam kepelbagaian situasi yang wujud. Di samping itu, murid juga dapat menganalisis maklumat yang ingin disampaikan dalam penulisan karangan dengan mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan secara lebih terperinci. Apabila maklumat yang disampaikan telah dianalisis, murid sememangnya boleh menilai isi ataupun fakta tersebut dengan membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi yang tepat pada bahagian



akhir penulisan karangan. Dengan ini, murid dapat mencipta hasil penulisan yang berkualiti, iaitu mereka telah dapat menghasilkan satu idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif menerusi hasil karangan yang telah dilaksanakan.

Penggunaan pentaksiran holistik juga turut membantu para murid untuk menganalisis maklumat yang telah dibaca, ianya memerlukan pembacaan secara lebih mendalam bagi menjana suatu idea yang baharu selaras dengan bahan bacaan yang dirujuk sebelum menulis karangan. Menerusi strategi ini, guru dapat mengklasifikasikan karangan murid mengikut kategori baik, sederhana atau lemah, sebelum guru memberikan markah. Pembacaan buat kali kedua dilakukan bagi mengesahkan bahawa karangan yang dimasukkan bagi setiap kategori menunjukkan ciri yang hampir serupa sebelum guru memberikan markah. Pada akhir proses pentaksiran holistik, guru akan menilai hasil penulisan murid menerusi penjanaaan serta pengolahan idea yang telah disampaikan oleh murid berdasarkan kepada bahan bacaan yang telah dirujuk. Pentaksiran secara analitik pula membolehkan guru menilai komponen isi kandungan dan fakta, penggunaan bahasa, gaya (keragaman ayat, diksi dan bahasa kiasan), organisasi atau pengolahan dan keseluruhan hasil karangan tersebut.

Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran secara jelas dari segi kemahiran berfikir yang diaplikasikan oleh murid tersebut. Penulisan karangan merupakan gambaran proses pemikiran murid dan kebolehan kecekapan penggunaan tatabahasa yang digunakan (Arapoff, 1975). Menurutny lagi, kemahiran penulisan karangan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek yang utama, iaitu murid perlu memikirkan fakta, memilih fakta yang sesuai dan menyusun fakta dengan jelas dan



logik melalui kemahiran berfikir. Menerusi pengaplikasian KBAT dalam penulisan, para murid dapat memikirkan idea yang ingin disampaikan, di samping dapat menterjemah idea baharu yang tercungkil dalam minda murid menerusi hasil karangan yang lebih mantap dan berkualiti.

Kemahiran menulis karangan merupakan proses yang menyatukan beberapa kemahiran yang utama, iaitu pemilihan fakta, penyusunan fakta dan kecekapan penggunaan tatabahasa. Oleh itu, para murid perlu mempunyai pengetahuan yang mantap untuk menguasai mekanisme mengarang. Raimes (1983), menjelaskan bahawa pembelajaran menulis bukan sesuatu yang semula jadi seperti kemahiran bertutur. Ianya lebih memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi untuk membolehkan para murid untuk membetulkan penggunaan tatabahasa, leksikal dan mekanis dalam penulisan karangan. Walaupun kemahiran menulis karangan ini penting bagi memenuhi kehendak kehidupan moden tetapi ianya perlulah bersesuaian dengan tahap pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid selaras dengan perkembangan semantik kognitif.

1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat pelbagai permasalahan kajian yang diteliti dalam kajian-kajian yang lalu. Oleh sebab kajian ini ingin meneliti aspek KBAT dalam penulisan karangan, maka kelompangan kategori-kategori kajian lalu yang memperlihatkan penggunaan KBAT telah diteliti dalam aspek-aspek berikut, iaitu:

- a.) KBAT dalam pelbagai genre karangan;

- b.) KBAT dalam perspektif pedagogi;
- c.) KBAT dalam pemikiran ataupun penggunaan ungkapan indah
- d.) KBAT dalam aspek pemikiran semantik.

Kajian dalam kategori (a) merupakan kajian yang berkaitan dengan penggunaan aplikasi KBAT dalam kepelbagaian genre penulisan karangan. Antara pengkajinya adalah terdiri daripada Marzni Mohamed Mokhtar et al. (2017) dan Noor Hidayu & Yahya Othman (2016). Kedua-dua kajian ini lebih meneliti ke arah penerapan KBAT dalam pelbagai genre karangan yang dihasilkan oleh murid. Kajian-kajian ini telah dilangsungkan bagi mengupas bagaimana guru melaksanakan PdP berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan jenis argumentatif dan juga karangan jenis naratif. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kaedah perbincangan, kaedah pengajaran berasaskan peta alir dan peta bulatan telah banyak mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran karangan dalam bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, kaedah-kaedah ini didapati menarik minat murid dalam menghasilkan karangan yang mempunyai hujahan serta idea yang beraras tinggi selaras dengan perkembangan kognitif murid. Dari segi kritikan yang dihasilkan, kedua-dua kajian ini hanya bertumpukan kepada penerapan kaedah tertentu bagi menggalakkan penulisan karangan secara efektif dalam kalangan murid. Genre karangan yang dipilih ialah karangan jenis argumentatif dan naratif sahaja. Kajian tidak menjurus kepada aspek penganalisisan ayat dalam penulisan karangan, sebaliknya hanya membincangkan kaedah pelaksanaan PdP berasaskan KBAT dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian banyak membincangkan sejauh manakah penerapan elemen KBAT dalam penulisan karangan, sebaliknya tidak melihat kepada penghasilan elemen KBAT dalam penulisan karangan tersebut. Hal ini sememangnya berbeza dengan kajian saya, iaitu penelitian akan dilakukan terhadap

elemen KBAT yang dihasilkan oleh para murid dalam penulisan karangan berdasarkan Teori Metafora Konsepsi. Penganalisan akan dilakukan dari ayat ke ayat bagi melihat penjanaan idea beraras tinggi yang dihasilkan oleh para murid menerusi teori linguistik yang digunakan.

Kajian kategori (b) adalah kajian yang lebih bertumpukan kepada pengaplikasian KBAT dari perspektif pedagogi. Apabila guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi yang membantu murid membangunkan aspek KBAT, maka guru secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian murid (Boaler & Staples, 2008). Antara kajian yang berkonsepkan kepada kategori tersebut adalah kajian yang dijalankan oleh Hasnah & Jamaludin (2017) dan Muhammad Faez *et.al* (2018). Kedua-dua kajian ini dijalankan bagi melihat kompetensi guru serta penerapan elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, terutamanya dalam pengajaran penulisan karangan. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pemahaman dan pengetahuan guru dalam penerapan KBAT masih perlu dipertingkatkan manakala penerapan elemen KBAT dalam PdP bahasa Melayu tidak dijalankan secara implisit. Aras aplikasi KBAT yang digunapakai dalam pengajaran guru di sekolah adalah berbeza mengikut tahap kematangan murid. Kajian-kajian lepas ini lebih menekankan keberkesanan aplikasi KBAT dalam menjalankan PdP bahasa Melayu, khususnya dalam pengajaran penulisan karangan. Kepelbagaian kaedah penyampaian yang dilaksanakan oleh guru dalam PdP dapat merangsang pemikiran murid secara lebih beraras tinggi terutamanya dalam penulisan karangan secara lebih kritis dan kreatif. Dari segi kritikan yang dapat dihasilkan, kajian-kajian yang dibincangkan lebih menekankan kaedah pengajaran secara kreatif bagi menggalakkan murid untuk berfikir secara aras tinggi. Namun begitu, kajian tidak menjurus kaedah

pengimplementasian KBAT yang jelas dalam PdP yang dilaksanakan. Penerapan elemen KBAT dalam penulisan hanya diperjelaskan secara umum dan tidak menunjukkan pengaplikasian kaedah tertentu. Kajian hanya menjurus kepada peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam aspek penulisan karangan sebaliknya tidak melihat kepada penerapan elemen KBAT dalam penulisan murid. Hal ini sememangnya berbeza dengan kajian ini yang lebih meneliti ke arah penganalisisan elemen KBAT dalam penulisan karangan yang dapat dikategorikan menerusi pendekatan semantik yang digunakan. Kajian ini akan memperlihatkan sejauh manakah rangsangan pemikiran murid dalam menghasilkan ayat yang mempunyai elemen KBAT secara tidak langsung menerusi karangan yang dihasilkan. Kajian ini dapat melihat kepada idea murid itu terlebih dahulu sebelum melihat kaedah PdP yang berasaskan penerapan KBAT.

Kajian yang tergolong dalam kategori (c) adalah terdiri daripada kajian yang bertumpukan kepada KBAT dari aspek pemikiran dan penggunaan ungkapan indah. Hal ini jelas terbukti menerusi beberapa kajian lepas yang telah dijalankan oleh Mariati Mokhtar & Mazliza Mohtar (2018) dan A. Rahman Haron *et.al* (2015). Kajian-kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat penguasaan bahasa Melayu oleh murid-murid pintar dan berbakat, iaitu kajian ini lebih memfokuskan aspek pemilihan ungkapan indah oleh murid dalam sampel karangan yang telah dihasilkan. Aspek ungkapan yang telah dilihat adalah seperti peribahasa, pantun, nyanyian, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kepelbagaian kosa kata yang menarik, maksud ayat Al-Quran gaya bahasa dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar murid pintar dan berbakat mempunyai pengetahuan yang luas dalam pemilihan ungkapan dan kosa kata yang indah dan menarik. Murid mampu



menghasilkan karangan yang lebih berkualiti menerusi penggunaan ayat-ayat yang lebih gramatis. Kajian-kajian ini juga dapat membuktikan bahawa para murid sememangnya mempunyai tahap pemikiran yang beraras tinggi selaras dengan perkembangan kognitif mereka. Penerapan elemen KBAT dapat dilihat secara tidak langsung menerusi gaya penulisan dalam karangan yang dihasilkan oleh murid.

Dari segi kritikan yang dapat dihasilkan, kajian-kajian di atas lebih meneliti kepada kepelbagaian penggunaan ungkapan menarik yang dihasilkan oleh para murid secara umum sebaliknya tidak dianalisis berpandukan kepada teori atau pendekatan tertentu. Kajian lebih menjurus kepada peratusan ungkapan indah yang dihasilkan oleh murid dalam penulisan karangan manakala penerapan elemen KBAT tidak dilihat secara menyeluruh. Penganalisan yang dilakukan hanya bertujuan untuk melihat kualiti penulisan karangan secara umum dan tidak melibatkan sebarang penganalisan ayat ke ayat dalam setiap teks penulisan yang dipilih. Penggunaan ungkapan indah dalam setiap teks karangan tidak dikategorikan mengikut tahap atau pendekatan tertentu, sebaliknya hanya disenaraikan mengikut tahap pengetahuan murid secara umum. Berbeza dengan kajian ini, pengkaji akan menganalisis elemen KBAT dalam penulisan karangan murid dengan berpandukan teori semantik yang dipilih. Kajian ini akan membuat penganalisan dari ayat ke ayat bagi melihat domain KBAT yang dihasilkan menerusi penggunaan leksikal dalam teks karangan yang dihasilkan. Kajian ini juga akan memperlihatkan tahap pemikiran murid yang berbeza mengikut gaya penulisan yang disampaikan oleh murid. Dalam kajian ini, penganalisan elemen KBAT dalam penulisan karangan akan dihuraikan secara menyeluruh dengan berpandukan teori yang dipilih.



Kajian-kajian lepas yang dianalisis lebih menjurus kepada kelompangan penggunaan KBAT dalam aspek pedagogi, kepelbagaian genre karangan serta penggunaan ungkapan indah. Namun di sebalik itu, kajian yang berteraskan (d) iaitu KBAT dalam perspektif semantik masih kurang dijalankan terutamanya kajian yang melibatkan penghasilan metafora dalam penulisan karangan oleh murid di sekolah. Kebanyakan kajian-kajian lepas yang melihat pendekatan semantik menerusi penghasilan metafora telah dikupas, terutamanya kajian yang melibatkan pembentukan metafora dalam akhbar seperti Jens (2011) Cornelius (2014), metafora dalam penulisan akademik seperti Tatiana (2016) & Alexandrra (2018), metafora dalam wacana seperti Zheng Ho (2010) & Rozaimah Rashidin (2015), metafora dalam budaya seperti Antunano (2013) & Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid (2015), metafora dalam filem Coegnarts & Peter Kravanja (2012), metafora dalam linguistik Huang & Tse (2017), metafora dalam peribahasa seperti Chen & Lai (2013), metafora dalam pembelajaran bahasa kedua seperti Hoang (2014) & Jeanette (2013) serta metafora dalam komunikasi seperti Muhammad Surip & Mulyadi (2019). Kesemua kajian ini telah dikupas dari segi pembentukan dan penghasilan metafora dalam kepelbagaian bidang sosial dengan menggunakan pendekatan dan teori tertentu tetapi tidak dilihat menerusi perspektif pendidikan dan semantik, khususnya dalam penulisan karangan oleh murid sekolah. Walaupun penghasilan metafora melibatkan penerapan elemen KBAT secara umum, tetapi kajian yang menjurus kepada penghasilan metafora berasaskan elemen KBAT dalam penulisan karangan masih belum dikaji secara implisit. Pengajaran dan penerapan elemen KBAT dalam penulisan karangan sememangnya berkait dengan pendekatan semantik kerana lebih memperlihatkan penggunaan leksikal yang mempunyai konteks makna tertentu menerusi penjanaan idea murid secara beraras tinggi. Kajian-kajian lepas yang berkait dengan analisis elemen

KBAT terutamanya dalam penulisan karangan murid masih belum memperlihatkan penggunaan teori linguistik ataupun pendekatan semantik secara menyeluruh dalam penganalisan yang dilakukan, namun hanya meneliti kepada gaya penulisan yang berunsurkan KBAT dan juga melihat kepada strategi pengajaran dan pembelajaran dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Analisis elemen KBAT dalam hasil karangan murid pula hanya bertujuan untuk melihat penggunaan ungkapan indah, kosa kata, frasa yang menarik secara umum dan tidak memperlihatkan penggunaan leksikal dalam setiap ayat dalam karangan yang dihasilkan menerusi pendekatan semantik tertentu.

Selaras dengan kepentingan elemen KBAT dalam konteks pendidikan, maka KBAT perlu dihayati dari perspektif interdisiplin, iaitu pendidikan dan semantik. Hal ini demikian kerana penulisan karangan para murid memperlihatkan penjanaan idea yang tinggi dan perlu dikaji serta dianalisis dari perspektif semantik terutamanya menerusi penghasilan metafora berasaskan Teori Metafora Konsepsi itu sendiri. Bertitik tolak daripada kelompangan kajian-kajian ini, maka kajian ini akan menghasilkan satu strategi memahami KBAT dalam linguistik menerusi pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini akan menggunakan Teori Metafora Konsepsi sebagai salah satu pendekatan semantik untuk menganalisis elemen KBAT dalam penulisan karangan murid. Kajian berasaskan Teori Metafora Konsepsi bukan sahaja dapat membantu guru-guru dalam meneliti hubungan antara elemen KBAT dengan konteks kognitif murid, malahan dapat menjadi garis panduan bagi mengesan idea secara kreatif dan kritis dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.



1.4 Objektif Kajian

- i.) Mengenal pasti elemen KBAT dalam isi penulisan karangan Bahasa Melayu murid berdasarkan elemen KBAT, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii.) Menganalisis elemen KBAT dalam isi penulisan karangan Bahasa Melayu murid berdasarkan Teori Metafora Konsepsi (TMK).
- iii.) Menghuraikan metafora leksikal yang terdapat dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid berdasarkan Teori Metafora Konsepsi (TMK).

1.5 Persoalan Kajian

- i.) Apakah elemen KBAT yang terdapat dalam isi penulisan karangan murid Bahasa Melayu berdasarkan elemen KBAT, Kementerian Pendidikan Malaysia?
- ii.) Apakah elemen KBAT yang diterapkan dalam isi penulisan karangan Bahasa Melayu murid berdasarkan Teori Metafora Konsepsi?
- iii.) Bagaimanakah metafora leksikal dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid dibincangkan menerusi Teori Metafora Konsepsi (TMK)?

1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Mengkonsepsikan Idea-Idea dalam Penulisan Karangan Menerusi Ungkapan Fatis yang Lebih Jelas dan Bermakna

Menerusi kajian ini, pengkaji akan dapat mengkonsepsikan kesemua idea-idea yang terdapat dalam penulisan karangan kepada suatu ungkapan fatis yang lebih jelas bermakna. Kridalaksana (2008) menyatakan bahawa ungkapan fatis merujuk suatu bentuk susunan kata yang berfungsi untuk mengindahkan ungkapan serta mengukuhkan komunikasi antara penulis dan pembaca yang terdapat dalam sesebuah konteks tertentu. Hal ini dapat memudahkan para pembaca untuk memahami setiap idea-idea yang terdapat dalam penulisan tersebut dalam konteks yang lebih beraras tinggi. Kozlow & Bellamy (2004) pernah menyatakan bahawa aktiviti penulisan melibatkan aktiviti berfikir aras tinggi yang kompleks dan berbeza yang memerlukan imaginatif perasaan, tahap minda, cita rasa dan tahap kognitif penulis tersebut. Hal ini selaras dengan kepentingan kajian ini, iaitu pengkaji akan dapat mengkonsepsikan idea penulisan murid yang terhasil daripada pemikiran murid yang lebih beraras tinggi kepada satu generalisasi yang umum yang lebih menarik serta mudah untuk difahami.

1.6.2 Meneliti idea KBAT Menerusi Pengkonsepsian Berpandukan Teori Metafora Konsepsi

Kajian ini dapat membantu para pengkaji untuk meneliti idea-idea KBAT yang disampaikan oleh para murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu secara tidak

langsung, di samping dapat mengkonsepsikan idea tersebut kepada jenis metafora konsepsi tertentu sama ada ianya bersifat struktural, ontologi ataupun orientasi. Menurut Richards (1967), ‘...*thought is metaphorical*...’ iaitu fikiran seseorang adalah berciri metaforikal. Beliau juga berpendapat bahawa penggunaan metafora bukan hak segelintir penulis puisi yang bijaksana sahaja, tetapi wujud dalam mana-mana aspek komunikasi bahasa manusia. Beliau turut menegaskan bahawa kita tidak boleh bertutur atau menulis melebihi tiga ayat dengan lancar tanpa menggunakan metafora, “*we cannot get through three sentences of ordinary fluid or written discourse without it*” (Li, 2001:42). Setiap ayat dalam penulisan mempunyai idea dan pemikiran yang tersirat disampaikan oleh setiap penulis. Pengkaji perlu menghayati serta meneliti idea-idea tersebut sama ada ianya meliputi elemen KBAT dan bagaimana ianya dapat dikaitkan dengan aspek metafora.

1.6.3 Menganalisis Idea Dalam Hasil Karangan Murid Menerusi Aspek Pemikiran Semantik Kognitif

Setiap idea yang terdapat dalam suatu penulisan karangan Bahasa Melayu adalah sememangnya meliputi aspek pemikiran yang kritis dan jelas daripada murid. Idea yang terbungkil adalah berasakan kepada kemahiran berfikir seseorang dalam mengungkapkan sesebuah idea ataupun perasaan secara lebih kreatif dalam penulisan. Sikana (2005:181) menjelaskan bahawa penulisan kreatif merujuk kepada satu proses penciptaan yang dimulai dengan dorongan untuk menulis, timbulnya ilham, penyusunan fikiran, pematangan dan penggarapannya memberi kesan dan impak kepada hanya yang akan ditulis. Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberi peluang

kepada para pengkaji untuk menganalisis idea-idea yang terdapat dalam hasil karangan murid dari persepektif interdisiplin, iaitu pemikiran dan semantik, iaitu pengkaji ingin melihat sejauhmanakah idea yang sampaikan oleh murid turut mempengaruhi pemikiran dan pengkonsepsian makna dalam konteks semantik.

1.6.4 Pendedahan Yang Jelas Kepada Para Pengkaji Pada Masa Akan Datang Tentang Pengkonsepsian Idea KBAT Menerusi Teori Metafora Konsepsi.

Kajian ini dapat memberi satu pendedahan yang jelas dan terperinci kepada bakal pengkaji dalam bidang semantik tentang kepentingan elemen KBAT dalam suatu penulisan karangan Bahasa Melayu dan bagaimana ianya dapat dikonseptualisasikan dalam bidang semantik menerusi Teori Metafora Konsepsi. Pemikiran aras tinggi ini amat menggalakkan murid agar menganalisis, memberi makna atau menggunakan setiap maklumat yang diperoleh (Newmann, 1990). Oleh itu, maklumat yang diperoleh dapat diinterpretasikan dalam penulisan karangan. Menerusi kajian ini, pengkaji akan dapat membuktikan bahawa terdapat banyak idea-idea KBAT dalam penulisan karangan murid yang sememangnya boleh dikonsepsikan menerusi Teori Metafora Konsepsi.

1.6.5 Panduan yang jelas tentang elemen-elemen yang terdapat dalam Teori Metafora Konsepsi dari segi jenis, fungsi dan penggunaannya

Kajian ini dapat memberi pendedahan yang jelas kepada para pembaca mengenai Teori Metafora Konsepsi dari segi definisi, jenis, fungsi dan penggunaannya secara tidak

langsung. Kajian ini juga dapat meneliti bidang metafora secara lebih eksplisit di samping melihat kepada keberkesanan penggunaan Teori Metafora Konsepsi dalam kajian berkaitan aspek pendidikan. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran (Lakoff & Johnson, 1980). Kajian ini juga dapat menunjukkan kaedah penganalisan sesebuah karya dengan berpandukan kepada Teori Metafora Konsepsi.

1.7 Definisi Pengoperasional

1.7.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), KBAT merujuk kepada keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu yang baharu. Hal ini jelas membuktikan bahawa pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada dapat membantu seseorang murid untuk berfikir secara lebih eksplisit bagi mencipta suatu ideologi yang baru.

Rajendran (2008) menyatakan bahawa KBAT merujuk kepada lanjutan penggunaan minda ketika berhadapan dengan sesuatu cabaran baharu. Kebolehan seseorang untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada dalam menjana suatu idea yang baharu dengan adanya minda yang berinovatif untuk menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Menurut Tomei (2005), menyatakan bahawa KBAT melibatkan kemahiran kognitif yang lebih tinggi iaitu bermula daripada kemahiran menganalisis, mensintesis, menilai serta dapat menghasilkan sesuatu idea yang baru secara lebih kreatif. Oleh yang demikian, KBAT dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran berfikir dan keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam aspek penulisan murid.

Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014a), aspek KBAT melibatkan skop yang luas dan perlu memiliki lima ciri, iaitu:

- i.) Stimulus: Item KBAT menggunakan stimulus secara ekstensif untuk menjana kemahiran inferens dan penaaakulan kritikal.
- ii.) Pelbagai tahap pemikiran: Item KBAT dibina untuk mentaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif untuk memberi impak yang lebih besar.
- iii.) Konteks bukan lazim: Penggunaan situasi baharu di luar bilik darjah dalam item KBAT bertujuan untuk menggalakkan murid berfikir lebih mendalam dan bukan sekadar mengingat semula apa yang dimuridi dalam bilik darjah.
- iv.) Situasi sebenar dalam kehidupan harian: Item KBAT mencabar murid untuk menyelesaikan suatu masalah kehidupan sebenar dengan menggunakan pembelajaran daripada pelbagai disiplin.
- v.) Item tidak berulang: Item KBAT berbeza setiap tahun dan menggunakan bahan yang melangkaui bahan buku teks, buku kerja, buku latihan dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada landasan dan panduan ini, dapatlah dirumuskan bahawa implementasi KBAT memerlukan organisasi dan perancangan yang teliti daripada guru-guru khususnya, dan pelaksanaannya juga hendaklah berlaku secara bersungguh-sungguh. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014a) dalam Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah mengemukakan beberapa prinsip pengamalan KBAT, iaitu Prinsip Pembinaan dan Penilaian Item KBAT memerlukan kombinasi pelbagai kemahiran yang dapat dikuasai melalui latihan yang intensif dan kritikal dan juga melalui pengalaman. Proses ini juga memerlukan sesuatu item yang dibina mengikut spesifikasinya serta mempunyai peranan tertentu dalam sesuatu ujian. Item yang baik harus mempunyai ciri-ciri yang berikut:

a) Akur Kurikulum

Sekiranya perkara yang ditaksir itu di luar kurikulum, maka kesahan kurikulum (curricular validity) bagi item itu boleh dipertikaikan.

b) Akur Peluang

Item yang dibina mestilah mengenai pengalaman yang telah dilalui oleh murid, sama ada dari pengalaman sebenar atau dari pendedahan guru atau media yang lain.

c) Akur Spesifikasi

Item yang dibina mestilah mengikut pelan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Jadual Spesifikasi Ujian.

d) Tepat Konstruk

Konstruk ialah perkara yang ditaksir. Sekiranya tugas dalam item itu menyebabkan murid gagal mempersembahkan evidens yang relevan dengan perkara yang ditaksir, maka skor item itu tidak sah.

e) Tepat Konteks

Tajuk, tema, bidang atau konteks merupakan tempat pentaksiran sesuatu konstruk itu diuji. Oleh itu, murid harus biasa dengan perkara atau idea yang diketengahkan.

f) Jelas Komponen

Kejelasan dari segi bahasa, kata tugas, bahan rangsangan dan opsyen. Susunan perkataan dan ayat atau gambar rajah hendaklah memberi isyarat yang jelas tentang apa yang harus dilakukan oleh murid serta bagaimana ianya harus dilakukan.

g) Kesesuaian

Kesukaran aras rendah ialah item mudah yang boleh dijawab oleh sebahagian besar murid. Aras sederhana ialah item pertengahan yang boleh dijawab oleh murid



sederhana dan cemerlang. Aras tinggi ialah item sukar yang boleh dijawab oleh murid cemerlang.

h) Sesuai Penting

Idea, isi kandungan atau hal-hal yang remeh-temeh atau yang asing kepada murid tidak harus ditaksir kerana boleh menyebabkan penghakiman yang tidak adil.

i) Sesuai Adil

Item yang ditulis itu tidak berat sebelah (bias) dan tidak memberi faedah (advantage) secara sistematik/automatik kepada golongan/kelompok/kaum tertentu dalam masyarakat sama ada mengikut ras, jantina, tempat tinggal atau status ekonomi.

Berdasarkan prinsip ini, guru Bahasa Melayu boleh membentuk piawaian sendiri dengan mematuhi aras taksonomi yang digariskan seperti yang dilakukan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada kesemua definisi yang telah dikemukakan oleh beberapa pakar, maka dengan ini kita dapat menyimpulkan bahawa KBAT sememangnya merujuk kepada suatu penciptaan idea yang baharu berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Ianya juga boleh ditakrifkan suatu bentuk inovasi dalam minda yang membolehkan seseorang untuk menjana pemikiran di luar kotak secara tidak langsung.



1.7.2 Karangan

Kandungan sukatan murid dan Bahasa Melayu ini meliputi penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Bagi kemahiran bahasa, meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Nurul Aishah Abdullah *et al.*, 2016). Oleh itu, kemahiran bahasa merupakan teras kepada kemahiran menulis. Para murid seharusnya dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan seharian yang sesuai diterjemahkan dalam bentuk karangan yang berkualiti.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah karangan merujuk kepada sesuatu esei/karangan prosa (lebih pendek daripada disertasi atau tesis) yang lebih berupaya untuk memaparkan pendapat sendiri mengenai sesuatu isu ataupun perkara. Dalam erti kata yang lain, ianya lebih berkonsepkan hasil karangan seseorang, khususnya murid sekolah mengenai sesuatu isu yang dikaji. Antara jenis karangan yang terdapat dalam sukatan Bahasa Melayu adalah terbahagi kepada 2, iaitu karangan jenis berformat dan karangan jenis tidak berformat. Karangan berformat merujuk kepada jenis karangan seperti surat kiriman rasmi/tidak rasmi, syarahan, rencana, laporan, ucapan, berita, dan sebagainya manakala karangan tidak berformat adalah seperti jenis karangan keperihalhan, gambaran, fakta, perbincangan, peribahasa, cerpen, cerita dan sebagainya.

Widyamartaya (1990) menyatakan bahawa karangan merujuk kepada suatu keseluruhan rangkaian karangan kegiatan seseorang dalam mengungkapkan sesebuah idea ataupun gagasan serta menyampaikannya melalui bahasa bertulis kepada



seseorang pembaca secara jelas untuk difahami dengan tepat seperti yang dimaksudkan oleh pengarang.

Keraf (1994) menyatakan bahawa karangan adalah bahasa bertulis yang merupakan rangkaian kata demi kata yang membentuk ayat ataupun pemerenggan dan akhirnya menjadi suatu wacana yang boleh dibaca serta difahami.

Berdasarkan kepada keseluruhan definisi karangan yang telah diperbincangkan, jelaslah bahawa istilah karangan merujuk kepada satu bentuk penulisan yang terdiri daripada gabungan beberapa ayat sehingga menjadi suatu wacana yang utuh. Pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada dapat membolehkan para murid untuk menjana serta mengolah suatu idea yang baharu dalam mengarang sesebuah esei ataupun karangan.



1.7.3 Metafora Konsepsi

Lakoff & Johnson (1993) melalui penulisannya yang bertajuk “*The Contemporary Theory of Metaphor*” menyatakan bahawa metafora konsepsi biasanya mengamalkan konsep konkrit sebagai sumber manakala konsep abstrak atau fizikal sebagai sasaran. Menurutnya, metafora bukan sahaja aspek penting dalam bahasa tetapi berkaitan dengan pemikiran atau cara berfikir seseorang dalam menjana suatu idea yang baharu. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran.





Lakoff & Johnson (1980) juga menyatakan bahawa makna sahaja tidak memenuhi maksud makna dalam kehidupan. Oleh sebab itu, mereka mencadangkan pendekatan pengalaman (experiential) untuk memahami makna dalam kehidupan harian manusia. Perspektif pengalaman (experiential) terhadap metafora mencabar pandangan tradisional yang melihat makna dalam hubungannya dengan pengalaman manusia.

Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017) menyatakan bahawa Teori Metafora Konsepsi merujuk kepada satu bidang dalam semantik yang menyatakan bahawa metafora pada asasnya merujuk kepada satu sistem pemikiran dan bahasa yang berkonsepsi. Metafora membolehkan kita memahami perkara asas ataupun pokok yang secara relatifnya abstrak atau tidak berstruktur. Metafora konsepsi lazimnya berlaku tanpa disedari merentasi pemikiran manusia.

Lakoff & Johnson (1993) melalui penulisannya yang bertajuk “The Contemporary Theory of Metaphor” menyatakan bahawa metafora konsepsi biasanya mengamalkan konsep konkrit sebagai sumber manakala konsep abstrak atau izikal sebagai sasaran. Menurutnya, metafora bukan sahaja aspek penting dalam bahasa tetapi berkaitan dengan pemikiran atau cara berfikir seseorang dalam menjana suatu idea yang baharu. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran.

Kovecses (2010), mendefinisikan metafora konsepsi sebagai; “*defined as understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain*”. A





convenient shorthand way of capturing this view metaphor is the following: CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B, which is called conceptual metaphor". Menurutnya lagi, Domain A merujuk kepada domain sasaran, manakala domain B merujuk kepada domain sumber. Domain sumber melibatkan entiti yang konkrit dan domain sasaran pula melibatkan entiti yang abstrak.

Berdasarkan kepada keseluruhan kupasan mengenai konsep metafora konsepsi, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua elemen utama yang mendasari Teori Metafora Konsepsi, iaitu abstrak dan konkrit, iaitu entiti konkrit selalunya dijadikan sebagai domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikatakan sebagai domain sasaran. Ianya juga merujuk kepada gabungan satu bentuk pemikiran dan sistem bahasa yang berkonsepsi secara tidak langsung.



1.8 Pembangunan Teori Metafora konsepsi dan Prinsipnya

Terdapat beberapa Prinsip Pembangunan Teori Metafora konsepsi, iaitu:

1.8.1 Metafora Sistematis

Dalam Teori Metafora konsepsi, metafora dilihat sebagai suatu yang sistematik untuk memahami hakikat metafora dari aktiviti manusia. Ini bermakna metafora yang terbina terikat dengan budaya Lakoff (1993) menyatakan bahawa terdapat tiga ciri metafora sebagai keterangan berdasarkan ketekalan prinsip:



- i.) Keteraturan dalam hubungan linguistik
- ii.) Penggunaan metafora untuk mengurus penghujahan dan tingkah laku berasaskan alasan.
- iii.) Kemungkinan pemahaman penyampaian yang mulia dari segi hubungan biasa.

1.8.2 Prinsip Ketekalan (The Invariance Principle)

Lakoff (1990, 1993) menyatakan bahawa Prinsip Ketekalan ini penting untuk memastikan bahawa konsistensi dalam mana-mana konsep pemetaan yang melibatkan kedua-dua sumber dan domain sasaran. Dalam erti kata lain, inferens yang dibina akan menggambarkan maklumat pemetaan dan semua struktur dan generik muncul dan bersifat tekal. Beliau kemudian menegaskan, pemetaan metafora memelihara sumber kognitif domain sumber, dalam cara yang konsisten dengan struktur yang ada pada domain sasaran (Lakoff, 1993).

1.8.3 Gagasan Menyerlahkan dan Menyembunyikan

Dalam Teori Metafora konsepsi, frasa Gagasan Menyerlahkan dan menyembunyikan digunakan berhubung dengan pemetaan yang terlibat dalam metafora konsepsi. Dalam pemetaan ini yang dikatakan separa terjadi apabila ciri-ciri domain sumber tidak sama sekali digabungkan kepada sesuatu yang merupakan domain sasaran. Oleh sebab itu, menyerlahkan merujuk kepada ciri-ciri yang terlibat dalam pemetaan, manakala



menyembunyikan merujuk kepada ciri-ciri yang tidak berkenaan. Sebagai contoh, dalam metafora ARGUMEN IS A WAR dipetakan kepada penghujahan beberapa latar domain secara implisit (Lakoff & Johnson, 1980).

1.8.4 Pengalaman Asas dalam Metafora

Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa sebarang ungkapan bahasa metafora konseptual ini berpunca daripada pengalaman fizikal bahawa manusia mempunyai dunia luar. Lakoff (1987) menyatakan bahawa pengalaman yang terdapat dalam metafora konsepsi merupakan bukan sahaja pengalaman individu, malah karakter dan pengalaman spesies and juga komuniti. Pengalaman ini bukan diambil kira oleh perkara yang telah terjadi kepada seorang individu, tetapi pengalaman dalam raung lingkup yang luas iaitu keseluruhan pengalaman manusia dan semua peranan di dalamnya.

1.8.5 Kesejagatan Metafora

Konsep metaforik datang dari pengalaman fizikal dan budaya. Kejegatan metafora merupakan satu elemen penting yang membolehkan penjelasan kewujudan banyak pandangan yang dikongsikan tentang metafora di seluruh dunia. Metafora konsepsi dikatakan universal kerana ianya datang daripada ciri-ciri universal yang mencirikan jasmani manusia. Ini bermakna bahawa metafora konsepsi boleh diamati dan dikongsi dikongsi dalam beberapa bahasa secara genetik yang tidak berkaitan. Misalnya, metafora GENERIK ADALAH SPESIFIK boleh diperihal dalam sistem konseptual





seluruh dunia (Lakoff & Turner, 1989). Dalam kajian ini, kesemua gagasan ini dibincangkan secara berpada dalam analisis dapatan kajian.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji elemen KBAT dalam penulisan karangan murid dengan berpandukan kepada Teori Metafora Konsepsi dengan memperincikan metafora leksikal yang terdapat dalam penulisan karangan berdasarkan kepada teori yang digagaskan oleh Lakoff & Johnson (1980). Bab ini juga memberikan penjelasan yang jelas dari segi pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, serta definisi pengoperasional secara lebih analitik.

